Dr. Ahmad Mahdzan Ayob membentangkan kertas kerja bertajuk Penekanan Pendidikan ke arah Penghidupan dan Pembangunan Desa di Malaysia sebagai Negara berasaskan Pertanian., di **Seminar Belia dan Pendidikan Wajar**, anjuran Majlis Belia Malaysia pada 22hb. hingga 27hb. Ogos 1980.

Said Rashid Said Asghar menghadiri **workshop conference On Science and Technology in Resources Development**, anjuran Malaysian Scientific Ass. pada 4hb. hingga 6hb. September 1980 di Kuala Lumpur.

Dr. Fatimah Arshad dan Mariam Abd. Aziz menghadiri seminar **Persidangan Kebangsaan Asaihl** berkenaan 'Life Long Education and The Roler Of Asaihl' anjuran Fakulti Pengajian Pendidikan pada 16hb. Oktober 1980 di UPM, Serdang.

Mohamad bin Kassim menghadiri **workshop MNCS and Asean Development In The 1980** pada 7hb. hingga 10hb. September 1980 di Singapura.

Abd. Manan Ali menghadiri **workshop Forecasting Techniques for Executives** anjuran Malaysian Management Consultant pada 19hb. hingga 20hb. September 1980 di Kuala Lumpur.

Shahril Hj. Abd. Karim menghadiri **workshop Price Discrimination and Subsidisation**, A Study of Shipping Conference Pricing Policy pada 23hb. Sept. 1980 di Staff-Graduate Seminar, FEA, Universiti Malaya.

Ishak Haji Omar dan Abu Hassan Md. Isa menghadiri **seminar on Project Management and Control**, anjuran Malaysian Management consultant pada 26hb. hingga 27hb. September 1980 di Kuala Lumpur.

Shahril Hj. Abd. Karim menghadiri **workshop Ocean Freight Rates for Rubber and Rubber Products** pada September 1980 di Malaysian Rubber Products Manufactures Assoc.

Said Rashid Said Asghar dan Wan Abd. Rahman Wan Ali menghadiri **Bengkel Teknik-teknik Pengajaran-pembelajaran di Institusi-institusi Pengajian Tinggi** anjuran Fakulti Pengajian Pendidikan UPM pada 6hb. hingga 8hb. Oktober 1980 di UPM, Serdang.

Ishak Hj. Omar membentangkan kertas kerja bertajuk Coastal Aquaculture In West Malaysia di **seminar IDRC Smallscale Fisheries** anjuran IDRC bertempat di Sri Lanka pada 26hb. hingga 29hb. Oktober 1980.

Siti Khairon Shariff dan Suhaila Abd. Jalil menghadiri bengkel mengenai **Penggunaan teknik-teknik Analisa 'Multi-Varite'** anjuran Lembaga Perancang Keluarga Negara pada 27hb. Oktober hingga 8hb. November 1980 di LPKN, Kuala Lumpur.

Maisom Abdullah membentangkan kertas kerja Perusahaan Berasaskan Pertanian **Konvensyen Belia Tani** anjuran Pertubuhan Gerakan Belia 4B Malaysia pada 31hb. Oktober 1980 di UPM.

Mohd. Ghazali Mohayidin menghadiri **seminar National Malaysia**, anjuran Jabatan Pertanian pada 4hb. November 1980 di Kuala Lumpur.

Dr. Mohd Ariff Hussein dan Dr. Mohd. Ismail Ahmad menghadiri **workshop Rice Policies in South East Asia** pada 9hb. hingga 15hb. November 1980 di Singapura.

Said Rashid Said Asghar menghadiri **workshop Tropical Forests-Source of Energy Through Optimization and Diversification** pada 11hb. hingga 15hb. November 1980 di Kuala Lumpur.

Maisom Abdullah menghadiri dan membentangkan kertas kerja di seminar **CAP Economics, Development and the consumer** bertajuk *Investment Incentives in Malaysia A-Critique* bertempat di Pulau Pinang pada 17hb. hingga 20hb. November 1980.

Shahril Hj. Abd. Karim menghadiri **seminar on Economics Development and the consumer** pada 17hb. hingga 20hb. November 1980 di USM, Pulau Pinang.

Ishak Hj. Omar, menghadiri dan membentangkan kertas kerja bertajuk *Figh Marketing in West, Malaysia* di **seminar Economics, Development & the Consumer** anjuran the consumer Ars. Pulau Pinang.

Dr. Mohd. Ariff Hussein menghadiri **Perdagangan Antarabangsa Peranan Universiti-universiti di dalam negara Membangun** anjuran fakulti Pengurusan Perniagaan UKM pada 18hb. hingga 22hb. Ogos 1980 di UKM, Bangi.

Madinah Hussein menghadiri **seminar-An alternative Investment** anjuran CREDO Sdn. Bhd. pada 21hb. hingga 23hb. November 1980 di Kuala Lumpur.

Mohdmd bin Kassim menghadiri **small Business conference**, anjuran Norconsult Kuala Lumpur pada 25hb. hingga 26hb. November 1980 di Kuala Lumpur.

Shahril Hj. Abd. Karim menghadiri **seminar shipping and the Malaysian Economy Aspects of Trade, Government Policies and Administration**, anjuran INTAN pada 28hb. November 1980 di Petaling Jaya.

Dr. Mohd. Ismail Ahmad menghadiri **seminar the Fundamental Principles of Management** anjuran AHI, Management Development Centre Sdn. Bhd. pada 4hb. hingga 6hb. Disember 1980 di Kuala Lumpur.

Hashanah Ismail, Foong Soon Yau dan Madinah Hussein menghadiri **seminar Wanita dalam Pengurusan** anjuran Persatuan Siswazah wanita Malaysia pada 6hb. hingga 9hb. Disember 1980 di Kuala Lumpur.

Maisom Abdullah menghadiri dan membentangkan kertas kerja bertajuk *Foreign Direct Investment, Industrialization in Malaysia* di **Kursus Pengkhususan Perhubungan Antarabangsa** untuk kedet PTD-Moduil ekonomi antarabangsa, INTAN Kuala Lumpur pada 8hb. Disember 1980.

Ishak Hj. Omar dan Abu Hassan Md. Isa menghadiri dan membentangkan kertas kerja Strategi dan Sistem Pemasaran dalam Perusahaan Perikanan di **Seminar Pengurusan MAJU** tahun 1981 anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Kuala Lumpur.

Zainal Abidin Kidam menghadiri **seminar Financial Market In Malaysia** anjuran SBS Ex-Students Association pada 17hb. Januari 1981.

Zainal Abidin Kidam dan Foong Soon Yau menghadiri **seminar Strategi Pasaran yang Berjaya di Pasaran Malaysia** anjuran Persatuan Sains Kemasyarakatan USM pada 21hb. hingga 22hb. Februari, 1981 di USM, Pulau Pinang.

Shahril Abd. Karim dan Mohd. Zabid Abd. Rashid menghadiri **seminar Manistec Asia 81** anjuran Manistec (SEA) PTG. LTD. pada 2hb. hingga 4hb. Mac 1981 di Singapura.

Nik Mustapha Nik Hassan membentangkan kertas kerja bertajuk ke arah satu sistem Pemasaran yang lebih adil bagi Petani-petani di **Bengkel Perusahaan Pertanian dan teknologi** bertempat di Kota Bharu, Kelantan pada 8hb. Mac. 1981.

Dr. Mohd. Ariff Hussein menghadiri **seminar muktamar Pertubuhan Perempuan Islam 111** anjuran Pertubuhan Perempuan Islam Malaysia pada 15hb. Mac 1981 di Kuala Lumpur.

Dr. Syed Hamid Aljunid, Dr. Ahmad Mahdzan Ayob, Maisom Abdullah, Nik Mustapha Nik Hassan, Mohd. Salleh dan Khalid Rahim menghadiri **Seminar Pembangunan Dalam Tahun 1980an**. anjuran Fakulti Ekonomi, UKM pada 16hb. hingga 18hb. Mac 1981 di UKM, Bangi.

Dr. Mohd. Ariff Hussein menghadiri **Bengkel Penilaian dan Kaji Semula di Peringkat Institusi**, anjuran Fakulti Pendidikan pada 24hb. hingga 27hb. Mac 1981.

Abd. Manan Ali, Azemin Yusuff, Foong Soon Yau dan Suhaila Abd. Jalil menghadiri **workshop The Role of Multinational corporations in Malaysian Economic Control** anjuran ITM pada 23hb. hingga 24hb. April 1981 di ITM Shah Alam, Selangor.

Suhaila Abd. Jalil, Mariam Abd. Aziz, Siti Khairon Shariff, Said Rashid Said Ashar dan Mohd. Shahwahid Hj. Othman menghadiri

seminar **Man power Development in the Plantation Industry**, anjuran Planting Industry Management, Graduan AIS, ITM pada 23hb. Mei 1981.

PELAWAT

Prof. Warren Musgrave dan Prof. Stuart Harris, Consultants AAUCS, melawat pada 30hb. Jun hingga 5hb. Julai 1980.

Dr. Robert McCaig dan David Slopper, University of New England, melawat pada

7hb. Julai 1980.

Dr. Gavin Jones, Executive Director Dev. Studies Centre The Australian National University, melawat pada 8hb. Disember 1980.

Gerard Rixhon, Fellowship Officer, ADC, Bangkok, melawat pada 2hb. Februari 1981.

Cik Zawiyah dari Kementerian Pertanian Malaysia, melawat pada 30hb. Mei 1981.

FAKULTI KEJURUTERAAN PERTANIAN

DEKAN

Ir. Choa Swee Lin, Dip. Agric. (Malaya) B.S. Cumlaude (Louisiana State), M.S. (U.C. Davis), MIEM, P. ENG.

PENDAHULUAN

Program Diploma Kejuruteraan Pertanian telah dimulakan pada permulaan sesi akademik 1980/81. Pengambilan kumpulan pertama program ini mengandungi seramai 43 orang pelajar. Program 3 tahun Diploma Kejuruteraan Pertanian bertujuan mengeluarkan tenaga terlatih separa iktisas untuk menampung keperluan negara.

Pada 18hb. September 1980, mesyuarat ketiga Lembaga Penasihat Akademik telah diadakan di Fakulti. Di samping meneliti

dan memberi pandangan mengenai kurikulum Diploma Kejuruteraan Pertanian yang telah diluluskan oleh Senat, ahli-ahli Lembaga juga telah meneliti cadangan-cadangan fakulti dalam usaha mengulangkaji kurikulum Ijazah Kejuruteraan Pertanian.

Selaras dan sesuai dengan perkembangan akademik, langkah-langkah telah juga diambil untuk menyediakan dan melengkapkan kemudahan-kemudahan fizikal seperti perolehan alat-alat makmal; Antara alatan penting termasuklah pembelian flow channel berharga \$302,000 dan Combine harvester berharga \$154,000. Sementara itu kerja-kerja pembinaan bangunan baru fakulti telah dimulakan pada tahun akademik 1980/81.

KAKITANGAN

Jumlah Kakitangan

Jabatan	Kategori A	Kategori B	Kategori C	Kategori D
Pejabat Dekan termasuk Bahagian Sumbangan	1	1	6	16
Jabatan Sains Kej. dan Kej. Memproses	15	—	8	11
Jabatan Kej. Perladangan, Kuasa dan Jentera	10	—	9	13
Jumlah Besar				90

Perlantikan Baru

Dr. A.A. Mainul Hussain dilantik sebagai Pensyarah Kontrek pada 13hb. November 1980. Beliau berjawatan Professor Madya.

Cik Misnaton bte Rabahi/Rarahi dilantik sebagai Tutor pada 2hb. Jun 1981.

Perletakan Jawatan

Dr. Yow Yit Seng dari Jabatan Sains Kejuruteraan dan Kejuruteraan Memproses telah meletakkan jawatan sebagai Pensyarah pada bulan Ogos 1981 untuk bertugas sebagai Processing Centres Manager Sabah Food Corporation Sdn. Bhd.

Cuti Belajar

Abdul Aziz bin Zakaria, Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Perladangan, Kuasa dan Jentera, mengikuti kursus Ph.D. di Utah State University mulai Jun 1981, dalam bidang Irrigation and Drainage Engineering.

Latihan Profesyenal

Empat orang pensyarah menjalani latihan profesyenal di syarikat jurutera perunding MINCO; Ir. Abang Abdullah Abang Ali (Struktur Stesyen Janaelektrik), Ir. Hamzah Salleh (Mekanikal dan Elektrik), Syed Mansur Syed Junid (Struktur) dan Ir. Mohd. Rashidi Bakar (Parit & Taliair). Ir. Ungku Kamal Ungku Mohsin menjalani latihan serupa dalam bidang Elektronik di Texas Instruments.

Kursus Pendek

Meh bin Awang, Pembantu Makmal Kanan Jabatan Kejuruteraan Perladangan, Kuasa dan Jentera telah mengikuti kursus pendek di Scotland, United Kingdom mulai April 1981. Kursus ini dibiayai oleh Inter-University Council (IUC).

Sementara itu Bahanurdin Hitam, Pensyarah Jabatan Sains Kejuruteraan dan Kejuruteraan Memproses telah mengikuti kursus "Rice Production Mechanisation" di Jepun mulai Mac 1981 anjuran Japan International Corporation Agency (JICA).

PERKARA-PERKARA AKADEMIK

Beberapa persetujuan penting dari segi akademik telah tercapai hasil dari perbincangan Mesyuarat Ketiga Lembaga Penasihat Akademik Fakulti. Jabatan Mesin dan Jentera telah bersetuju pada dasarnya untuk memberi pengecualian kepada pegawai-pegawai akademik serta graduan Fakulti Kejuruteraan Pertanian dari menduduki Bahagian teori untuk kelayakan memperoleh 'Steam Certificate'. Mereka hanya diperlukan untuk mengikuti Bahagian Amali. Di samping itu, jadual serta tempoh latihan praktik pelajar-pelajar Ijazah telah diubah dari 32 minggu ke 26 minggu berturut-turut pada tahun ketiga sahaja.

Perbincangan awal mengenai Penubuhan Akademik Link antara University Newcastle-Upon-Tyne dan Fakulti Kejuruteraan pertanian pada bulan April 1981 telah juga dilaksanakan sewaktu lawatan Prof. J.R. O'Callaghan.

Seterusnya pada 14hb. Mei 1981, Senat, atas cadangan fakulti, telah melantik badan-badan berikut sebagai Pesekutu Akademik Fakulti:

- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
- Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor
- Sime Darby Plantations
- Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC)
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
- Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia
- Kumpulan Ladang-Ladang Trengganu Sdn. Bhd.
- Jabatan Parit dan Taliair

Pemeriksa Luar

Y.B. Tan Sri Professor Chin Fung Kee, Jurutera Konsultan Kuala Lumpur, memeriksa bidang: Civil and Structural Engineering

Professor Brian A. May, Head, National College of Agricultural Engineering, Silsoe, U.K. memeriksa bidang: Mechanical Engineering

PENYELIDIKAN

Kwok Chee Yan: An Evaluation of Some Soil Conservation Practices in Malaysia.

Kwok Chee Yan: A Study of the Relationship Between Rainfall and Runoff In A Small Agricultural Catchment In The University of Agricultural Farm.

Kwok Chee Yan: The Development of A Natural Convection Dryer. The Effect of Thermal Chimney Height On Mass Flow Rate, Temperature Rice and Overall Efficiency.

Dr. Mohd. Zohadie Bardaie: Fruit Elasticity in Determining Its Vibrating Characteristics.

Ir. A. Aziz Zakaria: A Preliminary Survey of Water Supply and Demand for the Horticulture Unit of UPM.

Ir. Choa Swee Lin: Design of a Groundnut Thresher.

Ir. Abang Abdullah Abang Ali: Bamboo Trusses

Ir. Abang Abdullah Abang Ali: Some Physical Properties of Cement Stabilized Soil.

Johari Endan: *The Design and Construction of an Experimental Dryer for Thin Layer of Cocoa Beans*

Johari Endan: *Design, Construction and Testing of a Natural Convection Batch-Type Solar Dryer for the Drying of Fish Crackers.*

Ir. Mohd. Amin Mohd. Soom: *Moisture Distribution Pattern On Several Soil Types Under Trickle Irrigation.*

Dr. Naresh Chandra Saxena: *Quasi-Static Force Deformation Characteristics of Oil Palm Fruitlets.*

Ir. Wan Ishak Wan Ismail: *Design of Three — Point Linkage Dynamometer.*

Ir. Wan Ishak Wan Ismail: *Possibilities of Black Pepper Mechanization.*

Hussain Mohd. Salleh: *Preliminary Investigation on the Overall Rate of Drying and Heal Yield of Rice.*

Ir. Hishamuddin Jamaludin: *Determination of Physical Properties of Rice Husk Ash in Relation to its Use as a Filter Media,*

Syed Mansor Syed Junid: *Survey of Farm Structures in Malaysia.*

PENERBITAN DAN KERTAS KERJA

Ir. Choa Swee Lin: *"Training of Technical Personnel for Rural Development in Malaysia"*. Kertaskerja dibentangkan di **Regional Seminar for Engineering Teachers in the Training of Personnel for Rural Development**, pada 16hb. hingga 20hb. Disember 1980.

Ir. Abdul Aziz Zakaria, *"Sprinkler Irrigation — A promising Irrigation Technique for Small farmers in Peninsular Malaysia"*. Kertaskerja dibentangkan di **Regional Seminar on Appropriate Mechanisation for Rural Development** pada 26hb. hingga 30hb. Januari 1981 di Djakarta.

Naresh Chandra Saxena (Dr.) *"Engineering Operations on Fruit and Physical Properties of Papaya"*. Kertaskerja dibentangkan di **National Seminar on Malaysian Fruits** pada 5hb. hingga 7hb. November 1980 di UPM, Serdang.

Zohadie M. (Dr.). *"Malaysian Energy Scenario"* Laporan dibentangkan di **A Course on Energy Development for ASEAN countries** pada 19hb. hingga 23hb. Disember di Jepun.

Zohadie M. (Dr.). *"Vibration Theory applied to problem of fruit damage during transportation"* Kertaskerja dibentangkan di **National Seminar on Malaysian Fruit**, pada 5hb. hingga 7hb. November 1980.

Zohadie M. and Ishak W. *"Efficient Machinery Selection for Agricultural Operations in a plantation"*, Kertaskerja dibentangkan di **Seminar on Mechanisation in Planting Industry**, pada 13hb. hingga 14hb. Oktober di Kuantan, Pahang.

Saxena N.C. and Zohadie M. *"Food Package testing for Mechanical Strength"* Kertaskerja dibentangkan di **International Symposium of Food Technology in Developing Countries**, pada 3hb. hingga 5hb. September 1980 di UPM Serdang.

Zohadie M. *"Economic Farm Size for Rice Zombine Harvester in Malaysia"* disiarkan di dalam **Agricultural Mechanisation in Asia [AMA]** Vol. XI No. 4 (1980).

Ir. Wan Ishak Wan Ismail. *"Oil Palm Mechanisation in Relation to Field Transportation"*. Kertaskerja dibentangkan di **Workshop on Farm Mechanisation and the Oil Palm Industry**, pada 3hb. hingga 4hb. Disember 1980 di Kuala Lumpur.

SEMINAR YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI FAKULTI

Ir. Choa Swee Lin, Ahmad Jusoh, Johari Endan, Kwok Chee Yan, Lee Teang Shui, Dr. Naresh Chandra Saxena, menghadiri **Seminar Tenaga '80** pada 21hb. hingga 23hb. Ogos 1980 di Kuala Lumpur.

Ir. Choa Swee Lin, Hussain Mohd Salleh, Dr. Mohd Zohadie Bardaie, Ir. Mohd Rashidi Bakar, Ir. Mohd. Amin Mohd. Som dan Ir. Wan Ishak Wan Ismail, menghadiri **Workshop Mechanization in Planting Industry** pada 13hb. hingga 14hb. Oktober 1980.

Dr. Mohd Zohadie Bardaie dan Dr. Naresh Chandra Saxena, menghadiri **Seminar Kebangsaan Buah-Buahan Malaysia** pada 5hb. hingga 7hb. November 1980 di Kuala Lumpur.

Dr. Mohd. Zohadie Bardaie menghadiri **Symposium of Industrial Waste Control** pada 7hb. hingga 11hb. Julai 1980 di Universiti Pertanian Malaysia.

Dr. Naresh Chandra Saxena menghadiri **The Oil Palm in Agriculture in the Eighties** pada

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN

DEKAN

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, Cert. Ed. (Malaya), Dip. Ed. Studies (Leeds), Aca. Dip. Ed., B.A. (Hons), M. Phil. (London), Ph.D. (New England).

PENDAHULUAN

Pada sesi akademik 1980/81, Fakulti ini telah mengalami perkembangan kakitangan yang begitu pesat sekali dengan pertambahan kakitangan seramai 150 orang. Di samping itu program-program pengajian baru telah ditawarkan di peringkat ijazah pertama dan ijazah lanjutan. Dua program baru yang ditawarkan pada semester I sesi 1980/81 ialah:

Bachelor Pendidikan (Bimbingan & Kaun-

seling)

Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama)

Selain dari itu program-program peringkat siswazah telah dilaksanakan di kedua-dua peringkat sarjana dan doktor falsafah. Keistimewaannya pada tahun ini Fakulti Pengajian Pendidikan telah berjaya mengeluarkan calon yang pertama sekali bagi program pengajian di peringkat Doktor Falsafah dengan penganugerahan ijazah termaklum kepada Dr. Nazaruddin b. Hj. Mohd. Jali dalam upacara konvokesyen Universiti ini yang telah berlangsung pada 22hb. Ogos 1981. Inilah satu kejayaan yang bukan sahaja merupakan pencapaian peringkat Fakulti bahkan kejayaan Universiti ini umumnya.

KAKITANGAN

Jumlah Kakitangan

Jabatan	Kategori A	Kategori B	Kategori C	Kategori D
Pejabat Dekan	2	1	4	3
Jabatan Pendidikan & Sains Kemasyarakatan	40	1	10	16
Jabatan Bahasa	23	11	3	6
Jumlah kecil	65	33	17	25
Jumlah Besar				140

Perlantikan Baru

Zakaria Abd. Rahman dilantik sebagai Pensyarah pada 1hb. Julai 1980.

Rusinah Jonea dilantik sebagai Pensyarah pada 1hb. Ogos 1980.

Ahmad Khalidi Ahmad Mahayiddin dilantik sebagai Pensyarah pada 20hb. September.

Maznah Baba dilantik sebagai Pensyarah pada 2hb. Julai 1980.

Siti Hawa Munji dilantik sebagai Pensyarah pada 25hb. Febuari 1981.

Md. Said Abd. Hamid dilantik sebagai Tutor pada 17hb. November 1981.

Shahizah Hj. Daiman dilantik sebagai Tutor pada 17hb. November 1981.

Ma'rof Hj. Redzuan dilantik sebagai Tutor pada 15hb. Julai 1981.

Siti Rehani Che Hussein dilantik sebagai Tutor pada 6hb. Januari 1981.

Mazlan Yong dilantik sebagai Tutor pada 6hb. Januari 1981.

Che Non @ Nora Ahmad dilantik sebagai Pengajar Sukan pada 16hb. Ogos 1980.

Abd. Aziz Zakaria dilantik sebagai Pengajar Sukan pada 2hb. Januari 1981.

Sheikh Kamaruddin b. Shaikh Ahmad dilantik sebagai Pengajar Sukan pada 2hb. Mac 1981.

Marjohan Jamalis dilantik sebagai Pengajar Sukan pada 2hb. Mei 1981.

Ramizah Abd. Hamid dilantik sebagai Guru Bahasa pada 16hb. September 1980.

Goh Seng Pang dilantik sebagai Guru Bahasa pada 2hb. Mac 1981.

Kenaikan Pangkat

Berikut adalah pegawai-pegawai akademik yang diberi kenaikan pangkat pada sesi 1980/81:

Kamarudin Hj. Kachar, Pensyarah, dilantik sebagai Prof. Madya pada 1hb. Januari 1981.

Ghazalli Basri, Tutor, dilantik sebagai Pensyarah pada 28hb. April 1981.

Usman Yaacob, Tutor, dilantik sebagai Pensyarah pada 7hb. Februari 1981.

Kalsom Faezah Mohammed, Pengajar Sukan, dilantik sebagai Pensyarah pada 15hb. Mei 1981.

Jabar Johari, Pengajar Sukan, dilantik sebagai Pensyarah pada 15hb. Mei 1981.

Perletakan Jawatan

Pegawai-pegawai berikut telah meletakkan jawatannya:

Aizan Mohd Yusoff, Pensyarah, meletak jawatan pada 27hb. November 1980.

Tan Kwang How, Pensyarah, meletak jawatan pada 1hb. Jun 1981.

Cuti Belajar:

Abdul Halin Hamid, pensyarah, mengikuti kursus dalam bidang Sosiologi Pembangunan di Cornell University, U.S.A. mulai Ogos 1978 hingga Mei 1982 di peringkat Ph.D.

Kamariah Hj. Abu Bakar, pensyarah, mengikuti kursus dalam bidang Pengajaran Sains di Southern Illinois University at Carbondale,

U.S.A. mulai Ogos 1979 hingga Disember 1982 di peringkat Ph.D.

Abdul Rahman Md. Aroff, pensyarah, mengikuti kursus dalam bidang Falsafah Pendidikan di Universiti of Southamton, U.K. mulai Ogos 1980 hingga Jun 1982 di peringkat Ph.D.

Md. Bohari Ahmad, tutor, mengikuti kursus dalam bidang Sosiologi di University of Essex mulai Oktober 1980 hingga Disember 1982 di peringkat M.A.

Rosini Abu, tutor, mengikuti kursus dalam bidang Home Economic Education di Louisiana State University, U.S.A. mulai Januari 1981 hingga Disember 1982 di peringkat M.Sc.

Mohd. Said Abd Hamid, tutor, mengikuti kursus dalam bidang Pembangunan Desa di Ohio State University, U.S.A. mulai Januari 1981 hingga Disember, 1982 di peringkat M.A.

Sharifah Mohd Noor, pensyarah, mengikuti kursus dalam bidang Sosiologi Pendidikan di University of Wisconsin, U.S.A. mulai Januari 1981 hingga Disember 1982 di peringkat Ph.D.

Shahizah Hj. Daiman, tutor, mengikuti kursus dalam bidang Pendidikan Jasmani di University of California, Davis, U.S.A. mulai Julai 1981 hingga Jun 1983 di peringkat M.Sc.

Sheikh Kamarudin Sheikh Ahmad, pengajar sukan, mengikuti kursus dalam bidang Pendidikan Kesihatan di Northern Illinois University, U.S.A. mulai Ogos 1981 hingga Ogos 1983 di peringkat B.S/M.Sc.

Marjohan Jamalis, pengajar sukan, mengikuti kursus dalam bidang Pendidikan Jasmani di Ohio State University, U.S.A. mulai September 1981 hingga Ogos 1983 di peringkat B.Sc/M.Sc.

Ma'rof Redzuan, tutor, mengikuti kursus dalam bidang Sosiologi Pembangunan di University of Wisconsin, U.S.A. mulai Ogos 1981 hingga Januari 1983 di peringkat M.A.

Yahaya Hj. Baba, guru bahasa, mengikuti kursus dalam bidang Methodology of TESL di Ohio University Athens mulai September 1979 hingga September 1982 di peringkat M.A.

Mohamad Kasim, guru bahasa, mengikuti kursus dalam bidang Kesusasteraan Melayu Moden di Universiti Sains Malaysia mulai Oktober 1980 hingga Oktober 1982 di peringkat M.A.

Ahmad Borhan, tutor, mengikuti kursus dalam bidang TEFL Option di University of Wales, Cardiff mulai Oktober 1980 hingga Oktober 1981 di peringkat M.Ed.

Siti Amhar Abu, tutor, mengikuti kursus dalam bidang Linguistic di University Edinburgh mulai Oktober 1980 hingga Oktober 1981 di peringkat M.Sc.

PERKARA-PERKARA AKADEMIK:

Program Baru

Pada tahun ini dua lagi program pengajian peringkat bachelior telah dilaksanakan. Program pengajian tersebut ialah Bachelior Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dan Bachelior Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama). Program ini adalah program pengajian yang mengambil masa selama empat tahun. Fakulti ini juga menawarkan program ijazah lanjutan peringkat Sarjana dan Kedoktoran Falsafah di bidang Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, khususnya bidang Pengajaran atau Pendidikan. Pada awal sesi 1981/82 terdapat seramai 9 orang calon, di antaranya 8 orang mengikuti program Sarjana Pendidikan PBMP dan 1 orang mengikuti program Sarjana Pendidikan TESL.

PENYELIDIKAN:

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar: University Administration in Malaysia.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar: Education Administration in Malaysia.

Prof. Atan Long: Minat dan Kebiasaan Membaca di Kalangan Penduduk Semenanjung Malaysia.

Mohd Shah bin Hj. Lassim: A Study of Programme Implementation in Vocational Agricultural Education and Training in Malaysia.

Ahmad Khalidi bin Ahmad Mahayiddin: Pendidikan Guru di Maktab-Maktab Perguruan di Malaysia.

Ahmad bin Mohd. Isa: Penilaian Sains Paduan di Sekolah-Sekolah Menengah Malaysia.

Rusinah bte. Joned: Pendidikan Guru di Maktab-Maktab Perguruan di Semenanjung Malaysia.

Rohani Ahmad Tarmizi: Pencapaian Anak-Anak Tentera: Satu Kajian Faktor-Faktor dan Masalah-Masalah.

Mohd. Fauzi B. Muhammad: Kumpulan Dakwah Al-Arqam dan Jemaah Tabligh di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi (UPM, UTM, UM, UKM, USM, ITM).

Awang Mohd. Amin: Satu kajian Kaedah Mengajar Karangan Peringkat Sekolah Menengah Di Semenanjung Malaysia, Penyelidikan Program Sarjana Pendidikan PBMP.

Awang Mohd. Amin: Satu Kajian Khusus Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama.

Awang Mohd. Amin: Satu Kajian Kaedah Umum Penggunaan Bahasa Malaysia Peringkat Sekolah Menengah.

Awang Mohd. Amin: Satu Tinjauan Awal Terhadap Bilangan Pelajar Tingkat 4 dan Guru-Guru Yang Mengajar Mereka di 4 Buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor.

Md. Zain Mohd. Ali: Intonation Patterns of Malaysian English.

Abdul Hamid Mahmood: Ayat-Ayat Bahasa Malaysia: Suatu Kajian Penulisan Tata-bahasa Bahasa Malaysia.

Prof. Madya Hj. Amat Juhari Moain: Sistem Panggilan Dalam Bahasa Malaysia: Suatu Analisis Dari Aspek Sosiolinguistik (Penyelidikan Ph.D.).

Taha Abd. Kadir: Kajian Sosiolinguistik Mengenai Bahasa Melayu Dialek Sarawak, Pengaruh Bahasa-Bahasa dan Dialek-Dialek Tempatan dan Nusantara Serta Halangan-Halangan Ke Arah Pelaksanaan Bahasa Malaysia di Sarawak.

Chan Swee Heng: A Study of the Close Procedure in the Assessment of Reading Comprehension of Universiti Pertanian Malaysia Undergraduates.

Mohd Zainudin Hashim: Minat Membaca dan Bahan-Bahan Yang Dibaca oleh Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Di Semenanjung Malaysia.

Normah Abdullah: Penyelidikan Perbandingan Dua Kaedah Mengajar Karangan: Kaedah Karangan Terpimpin dan Kaedah Karangan Bebas.

Brenda Kam Thean Aun: Materials Design: An Investigation Into The Theoretical Issues and Practical Problems of Evaluation Course Materials — A Case Study of BB 251 at Universiti Pertanian Malaysia.

PENERBITAN

Siti Hawa Munji. Risiko Depro-Provera — **Majalah Wanita** Jun, 1981.

Usman Yaakob. **Strategi Menjawab Geografi Fizikal**, Kuala Lumpur, Penerbitan Insaf, 1980.

Abdul Malek Hj. Mohd Hanafiah. Komunisma di Malaysia: Perkembangan dan Kemajuannya sebelum P.S. ke 2 **WIDYA**, 1981.

Awang Mohd. Amin. Satu Kajian Umum Kesalahan Bahasa Malaysia, **Dewan Bahasa**, Julai 1981.

Awang Mohd. Amin. Prinsip Pengajaran Kesusasteraan Dalam Azman Wan Chik, **Prinsip Pengajaran Kesusasteraan**, Penerbitan Utusan Melayu Press, Kuala Lumpur 1981.

Awang Mohd. Amin. Tinjauan Umum Terhadap Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia, Kertas **Seminar Pendidikan Bahasa Malaysia**, Universiti Malaya, 1981.

Prof. Madya Hj. Amat Juhari Moain. Bahasa Serumpun Sebagai Sumber Istilah, dalam Bahasa Malaysia, dalam **GURU**, Ogos 1980.

Taha Abd. Kadir. **Ulasan dan Analisis Peristiwa-Peristiwa dari Hikayat Hang Tuah**, Yayasan Akademik, Kuala Lumpur, 1981.

SEMINAR YANG DIADAKAN DI FAKULTI

Bengkel Teknik-Teknik Pengajaran-Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi dianjurkan bersama oleh Fakulti Pengajian Pendidikan dan The Institute for Higher Education, University of New England, Armidale, New South Wales, Australia, diadakan pada 6hb. hingga 8hb. Oktober 1980.

Kolokium Latihan Mengajar Antara Universiti-Universiti Tempatan, diadakan pada 5hb. November 1980.

Seminar Kebangsaan Pendidikan Jasmani, diadakan pada 12hb. hingga 13hb. Januari 1981.

Bengkel Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama. (Dengan kerjasama Dewan Bahasa & Pustaka), diadakan pada 22hb. Januari 1981.

Seminar Bachelor Pendidikan (Teaching of English as a Second Language), diadakan pada 29hb. Januari 1981.

Bengkel Penyelia-Penyelia Latihan Mengajar dibimbing oleh Mr. J.F. Madden dari Institute of Education, Singapore, diadakan pada 10h. hingga 11hb. Mac 1981.

Bengkel Penilaian dan Kaji Semula di Peringkat Institusi dianjurkan bersama oleh Fakulti Pengajian Pendidikan dan The Institute for Higher Education, University of New England, Armidale, New South Wales, Australia, diadakan pada 24hb. hingga 26hb. Mac 1981.

Kursus Panduan Penterjemahan/Penulisan Buku-Buku Teks Asas Pengajian Tinggi ke dalam Bahasa Malaysia, diadakan pada 1hb. hingga 3hb. April 1981.

Kursus Induksi Pegawai (Dengan Kerjasama Pejabat Pendaftar), diadakan pada 19hb. Jun 1981.

Seminar Kebangsaan Sains Pertanian dan Sains Rumah tangga dianjurkan bersama oleh Fakulti Pengajian Pendidikan dan Institut Latihan Pegawai-Pegawai Pelajaran Malaysia (MESTI), Kementerian Pelajaran Malaysia, diadakan pada 21hb. hingga 24hb. April 1981.

SEMINAR YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI FAKULTI

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, memberi ceramah **Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Implimentasinya terhadap Perpaduan** Negara, pada 5hb. Jun 1981, di Pusat Latihan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank, di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, menyertai Bengkel mengenai **Penggubalan Sukatan Pelajaran** anjuran MESTI, Kementerian Pelajaran Malaysia pada 9hb. hingga 13hb. Jun 1980 di Frazers Hill.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, menjadi Ahli Panel Forum bertajuk: **Peranan dan Permasalahan Mahasiswa Sains Masa Kini** pada 17hb. Jun 1980 di Universiti Pertanian Malaysia.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, membentang Kertaskerja bertajuk **The Teaching of Social Sciences in Malaysia University for Nation Building** pada 24hb. hingga 28hb. Jun 1980 di Persidangan Antarabangsa ASAIHL, Jakarta, Indonesia.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, menyertai **Seminar on Management in Higher Education**: "The Role of Ideas, Skills and Attitudes in RELC, Singapore" pada 20hb. hingga 24hb. Ogos 1980.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, memberi ceramah bertajuk **Sistem Pendidikan Perguruan di Universiti-Universiti Tempatan: Perkembangan dan Kedudukan Masa Kini** di Kursus Induksi Pensyarah-Pensyarah Baru Maktab Perguruan Malaysia pada 30hb. September 1980 di RECSAM, Pulau Pinang.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, menganjur **Bengkel Pengajaran — Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi** pada 6hb. hingga 8hb. Oktober 1980, di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, memberi ceramah bertajuk: "Perkembangan Terbaru Dalam Dunia Pendidikan di Universiti-Universiti Tempatan" di **Kursus Induksi Pensyarah-Pensyarah Baru Maktab Perguruan Malaysia** pada 14hb. Oktober 1980, di RESCAM, Pulau Pinang.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, menjadi pengerusi Jawatankuasa Pengelola dan juga Pembentang Kertaskerja bertajuk: Teaching Methodology and Organizational Patterns of Adult and Contioning Education di **Seminar Pendidikan Seumur Hidup dan Peranan ASAIHL** pada 16hb. Oktober 1980, di Universiti Pertanian Malaysia.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, menjadi pengerusi **Kolokium Penyelarasann Latihan Mengajar Institusi-Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia** pada 5hb. November 1980, di Universiti Pertanian Malaysia.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, membentang Kertaskerja bertajuk: Cabaran-Cabaran Terhadap Pentadbiran Pendidikan

Tinggi di Malaysia dalam Tahun Lapan Puluhan di **Konvensyen Pendidikan Kebangsaan Kedua** pada 7hb. hingga 9hb. November 1980, di Federal Hotel, Kuala Lumpur.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, mewakili The Association of Commonwealth Universities dan Peserta dalam **Persidangan Antarabangsa Peranan Universiti Di Negara-Negara Membangun**, pada 18hb. hingga 22hb. November 1980, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, membentang Kertaskerja Di **Konvensyen Pendidikan Johor Bahru** bertajuk: Koordinasi Antarabangsa Institusi Perguruan pada 6hb. hingga 8hb. Disember 1980.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, menjadi pengerusi Jawatankuasa Pengelola, **Seminar Kebangsaan Pendidikan Jasmani**, pada 12hb. hingga 13hb. Januari 1981, di Universiti Pertanian Malaysia.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, menjadi penyelia Kertaskerja Latarbelakang, **Seminar ASAIHL** di Manila pada 14hb. hingga 17hb. Januari 1981.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pengelola **Bengkel Kebangsaan Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama** pada 22hb. Januari 1981 di Universiti Pertanian Malaysia.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar dan Profesor Atan Long, menyertai **Seminar Kurikulum 3M bagi Ketua-Ketua Bahagian** pada 23hb. Januari 1981, di Port Dickson.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pengelola **Bengkel Kebangsaan Penilaian** pada 25hb. hingga 27hb. Mac 1981, di Universiti Pertanian Malaysia.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, (membentang Kertaskerja), Mohd. Fauzi Muhammad, Ahmad Khalidi Ahmad Mahyiddin, Rusinah Jones, Rohani Ahmad Tarmizi, Usman Yaakub, Siti Hawa Munji dan M. Azizah Abd. Rahman menghadiri **Seminar Kurikulum 3M** pada 31hb. Mac 1982 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, menyertai **Seminar Psikologi dan Masyarakat**

pada 20hb. Mac 1981, di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Prof. Madya Dr. Kamarudin Hj. Kachar, (Pengerusi Jawatankuasa Pengelola), Mohd. Shah Hj. Lassim (membentang kertaskerja) Ahmad Mohd. Isa, M. Azizah Abd. Rahman (membentang kertaskerja) di **Seminar Kebangsaan Sains Pertanian dan Sains Rumah-tangga** pada 21hb. hingga 23hb. April 1981, di Universiti Pertanian Malaysia.

Profesor Atan Long (membentang kertaskerja), Ahmad b. Mohd. Isa, Mohd. Ismail Hj. Ridzwan, Abdul Malek Hj. Hanafiah, Abdul Hamid Mahmood, Taha Abdul Kadir dan Mohd. Amin Arshad, menghadiri **Konvensyen Pendidikan V** pada 6hb. hingga 8hb. Disember 1980 di Johor Bahru.

Profesor Atan Long, membentang Kertaskerja **Perancangan, Penyampaian dan Penilaian dalam Pengajaran** pada 18hb. Disember 1980, di Sekolah Ibnu Sina, Kuala Lumpur.

Profesor Atan Long, menjadi ahli panel **Sistem Pelajaran Malaysia Dalam Membentuk Masyarakat Berdikari** anjuran PMUM pada 19hb. Mac 1981, di Universiti Malaya.

Profesor Atan Long menjadi Pengerusi Forum "Sikap Umum Terhadap Pendidikan Vokasional" **Bengkel Pendidikan Vokasional** pada 22hb. April 1981, di Universiti Pertanian Malaysia.

Profesor Atan Long, menyertai **Hari Puisi** anjuran GAPENA di Kota Baharu, Kelantan pada 16hb. hingga 18hb. April 1981.

Profesor Atan Long menjadi Pengerusi Kertaskerja "Pilihan Kerjaya Dalam Konteks Silang-Budaya — Satu Teknik Pengukuran" Anjuran Persatuan Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 23hb. April 1981.

Profesor Atan Long, menjadi Pakar Rujuk kepada NACIWID.

Mohd. Shah Hj. Lassim, menjadi Ahli Panel **Bengkel Kurikulum Pelajaran Vokasional dan Teknik** Kementerian Pelajaran Malaysia pada 29hb. Julai 1980 di Maktab Perguruan Teknik, Cheras, Kuala Lumpur.

Mohd. Shah Hj. Lassim, menjadi Ahli Panel **Penggubalan Sukatan Pelajaran Kursus Setahun Guru**, pada 27hb. Jun 1981, di Maktab

Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur.

Mohd. Shah Hj. Lassim, menjadi Peserta Raymond Bacehetti/RIHED **Workshop on Management in Higher Education: The Role of Ideas, Skills and Attitudes** pada 19hb. hingga 21hb. Ogos 1980, di RELC Singapore.

Mohd. Shah Hj. Lassim, menyertai **4th MAVOGA-ARAVEG Conference & General Assembly** pada 9hb. hingga 12hb. September 1980 di Kuala Lumpur.

Mohd. Shah Hj. Lassim, M. Azizah Abd. Rahman, Ahmad Khalidi Ahmad Mahyiddin, Rusinah Joned, Rohani Ahmad Tarmizi, Nazaruddin Hj. Mohd. Jali dan Maznah Baba, menghadiri **Bengkel Teknik Pengajaran — Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi**, pada 6hb. hingga 8hb. Oktober 1980 di Universiti Pertanian Malaysia.

Mohd. Shah Hj. Lassim, Ahmad Mohd. Isa, M. Azizah Abd. Rahman, Rusinah Joned, Rohani Ahmad Tarmizi, Nazaruddin Hj. Mohd. Jali dan Mohd. Amin Arshad, menghadiri **Seminar ASAIHL Life Long Education & The Role of ASAIHL** pada 16hb. Oktober 1980, di Universiti Pertanian Malaysia.

Mohd. Shah Hj. Lassim, Ahmad Khalidi Ahmad Mahyiddin, Rusinah Joned, Rohani Ahmad Tarmizi, Ahmad Mohd. Isa dan Mohd. Ismail Hj. Ridzwan menghadiri **Kolo-kium Latihan Mengajar Antara Universiti-Universiti Tempatan** pada 5hb. November 1980 di Universiti Pertanian Malaysia.

Mohd. Shah Hj. Lassim menyertai **Regional Symposium on Distance Teaching in Asia** pada 4hb. hingga 5hb. Mei 1981, di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Ahmad Mohd. Isa dan Abdul Malek Hj. Hanafiah, menghadiri **Seminar Kebangsaan Status Dasar Bahasa Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi**, pada 28hb. hingga 29hb. Jun 1980, di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Mohd. Isa, menyertai **Bengkel Teknologi Pendidikan** pada 28hb. Julai 1980 di Universiti Pertanian Malaysia.

Ahmad Mohd. Isa, menyertai **Bengkel Sains dan Pendidikan Alam Sekitar** pada 6hb. hingga 10hb. Ogos 1980, di Universiti Sains Malaysia.

Ahmad Mohd. Isa, menyertai **Seminar Pentadbiran di Institusi Pengajian Tinggi** pada 21hb. hingga 23hb. Ogos 1980, di Singapura.

Ahmad Mohd. Isa, menyertai **Seminar Penulisan, Penilaian dan Penerbitan Buku-Buku** pada 15hb. hingga 18hb. September 1980, di Biro Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ahmad Mohd. Isa, M. Azizah Abd. Rahman dan Rohani Ahmad Tarmizi menghadiri **Seminar Kebangsaan Pendidikan Jasmani** pada 12hb. hingga 13hb. Januari 1981 di Universiti Pertanian Malaysia.

Ahmad Mohd. Isa, menyertai **Bengkel Pengajaran Bahasa Malaysia** sebagai Bahasa Pertama pada 22hb. Januari 1981, di Universiti Pertanian Malaysia.

Ahmad Mohd. Isa, menyertai **Bengkel Teaching of English as a Second Language** pada 29hb. Januari 1981, di Universiti Pertanian Malaysia.

Ahmad Mohd. Isa dan Rohani Ahmad Tarmizi menghadiri **Bengkel Penilaian dan Latihan Mengajar**, pada 15hb. Februari 1981 di Universiti Pertanian Malaysia.

Ahmad Mohd. Isa membentang Kertaskerja **Seminar Persediaan Untuk Menghadapi Peperiksaan STP dalam Matapelajaran Sains**.

M. Azizah Abd. Rahman, menyertai **Workshop on Education Technology for teachers in Higher Education** pada 28hb. hingga 31hb. Julai 1980, di Universiti Pertanian Malaysia.

M. Azizah Abd. Rahman, Ahmad Khalidi Ahmad Mahyiddin dan Rusinah Joned **menghadiri Kursus SPSS** pada 22hb. hingga 26hb. Oktober 1980 di Universiti Pertanian Malaysia.

M. Azizah Abd. Rahman, menyertai **Seminar Pergerakan Pengguna**, pada 23hb. Februari 1981, di Universiti Pertanian Malaysia.

M. Azizah Abd. Rahman, menyertai **Bengkel Penyelia Latihan Mengajar** pada 10hb. hingga 11hb. Mac 1981, di Universiti Pertanian Malaysia.

M. Azizah Abd. Rahman, membentang Kertaskerja di **Konvensyen Nasional Pendidikan** pada 7hb. November 1980, di Hotel Merlin, Kuala Lumpur.

Mohd. Ismail Hj. Ridzwan, memberi ceramah di **Majlis Ceramah** pada 29hb. Novem-

ber 1980, di Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Ismail Hj. Ridzwan, memberi ceramah di **Majlis Taklimat Latihan Mengajar** pada Mac/April 1980, di Batu Pahat, Muar, Johor Bahru, Ipoh, Taiping dan Kuala Kangsar.

Mohd. Ismail Hj. Ridzwan menyertai **Workshop on Managing in Higher Education**, RIHED, Singapura pada 21hb. hingga 23hb. Ogos 1980.

Mohd. Ismail Hj. Ridzwan, menghadiri **Seminar Penulisan/Penterjemahan Buku-Buku Pengajian Tinggi Dalam Bahasa Malaysia** pada 15hb. Oktober 1980 di Dewan Bahasa Dan Pustaka, K.L.

Mohd. Ismail Hj. Ridzwan dan Rusinah Joned menghadiri **Bengkel Penyelia-Penyelia Latihan Mengajar** pada 10hb. Mac 1981 di Universiti Pertanian Malaysia.

Mohd. Ismail Hj. Ridzwan dan Rohani Ahmad Tarmizi, menghadiri **Bengkel Penilaian dan Kajisemula di Peringkat Institusi**, pada 24hb. hingga 27hb. Mac 1981, di Universiti Pertanian Malaysia.

Mohd. Fauzi b. Muhammad, menyertai **Seminar Pengajaran Al-Quran**, pada 7hb. hingga 10hb. Disember 1980, di Kota Bahru, Kelantan.

Mohd. Fauzi b. Muhammad, menyertai **Seminar Dakwah Islamiah** Sempena Menyambut Abad ke 15 Hijrah, pada 12hb. hingga 15hb. Disember 1980 di Seremban, Negeri Sembilan.

Mohd. Fauzi b. Muhammad, membentang Kertaskerja di **Simposium Kepimpinan Rumah tangga dan Kekeluargaan**, di Universiti Pertanian Malaysia.

Gan Siowck Lee, menyertai **Seminar Pendidikan Persekitaran**.

Ahmad Khalidi Ahmad Mahyiddin dan Rusinah Joned, menghadiri **Konvensyen Kebangsaan II — Pendidikan**.

Rusinah Joned dan Rohani Ahmad Tarmizi, menyertai **Bengkel Pusat Sumber**.

Rohani Ahmad Tarmizi menyertai **Kursus Bahasa**.

Nazaruddin Hj. Mohd. Jali, membentang Kertaskerja "Kemarau dan Implikasi Sosial" **Seminar Bersiri Jabatan 1981**.

Abdul Malék Hj. Hanafiah, membentang Kertaskerja — Politik Malaysia 80an, isu-isu dan masalah, **Seminar Bersiri Jabatan 1981**.

Abdul Malek Hj. Hanafiah, memberi **taklimat Latihan Mengajar** kepada Guru-Guru Besar dan Guru-Guru Kanan, Perak, pada bulan April 1981.

Abdul Malek Hj. Hanafiah, membentang Kertaskerja — Sistem Demokrasi di Malaysia, **Kursus Kenegaraan Guru-Guru Pelatih Malaysia** pada bulan Mac 1981, anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia.

Abdul Malek Hj. Hanafiah, menghadiri **Seminar Psikologi dan Kaunseling** pada bulan Februari 1981, di Universiti Pertanian Malaysia.

Abdul Malek Hj. Hanafiah, menjadi Pakar Rujuk, Kepada Yayasan Sabah Penganjur **Seminar Sejarah dan Kemasyarakatan Sabah**, 1981.

Usman Yaakub, membentang Kertaskerja — Perancangan Keluarga di Malaysia, **Seminar Bersiri Jabatan 1981**.

Ahmad Khalidi Ahmad Mohayiddin, Rusinah Joned, Rohani Ahmad Tarmizi dan Usman Yaakub menghadiri **Kursus Penterjemahan/Penulisan** pada bulan April 1981 di Universiti Pertanian Malaysia.

Zahid Emby, menyertai **Seminar Bersiri Jabatan Pendidikan & Sains Kemasyarakatan**, Universiti Pertanian Malaysia.

Zahid Emby, menyertai **Seminar Bersiri Jabatan Sosiologi Antropologi**, Universiti Malaya.

Siti Hawa Munji dan Maznah Baba menghadiri **Seminar Kebangsaan Psikologi dan Masyarakat** pada bulan April 1981, di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maznah Baba, menghadiri **Forum Kaunseling**, pada bulan Mac 1981, di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur.

Maznah Baba, menyertai **International ARAVEG-MOVAGA Conference and 4th General Assembly**, pada bulan September 1980.

Hj. Amat Juhari Moain, menghadiri **Persidangan Kelapan Persatuan Antarabangsa Sejarahwan-Sejarawan Mengenai Asia** pada 25hb. hingga 30hb. Ogos 1980 di Kuala Lumpur.

Hj. Amat Juhari Moain dan Nazaruddin Mohd Jali menghadiri **Sidang Ke 15 Majlis Bahasa Indonesia — Malaysia** pada 2hb. hingga 6hb. September 1980, di Kota Kinabalu.

Hj. Amat Juhari Moain, Abdul Hamid Mahmood dan Taha Abdul Kadir menghadiri **Seminar dan Perlaksanaan Bahasa Malaysia di Sarawak** pada 16hb. hingga 19hb. September 1980.

Hj. Amat Juhari Moain dan Awang Mohd. Amin menghadiri dan membentang kertaskerja di **Seminar Pengajaran Kesusasteraan Prosa Klasik** pada 2hb. hingga 30hb. November 1980 di Universiti Malaya.

Mohd. Zain Mohd. Ali, menghadiri **Regional Seminar on Varieties of English and Their Implications for English Language Teaching in Southeast Asia** di RELC, Singapura, pada 20hb. hingga 24hb. April 1980.

Taha Abdul Kadir, membentangkan kertaskerja di **Seminar International Mengenai Kebudayaan, Kesusasteraan dan Kemanusiaan Minangkabau** pada 4hb. hingga 9hb. September 1980, di Universitas Andalas, Padang, Indonesia.

PELAWAT

Prof. Ronald James Byrd dari Louisiana State University telah berkhidmat di Jabatan ini sambil menjalani cuti sabatikal beliau untuk mengajar dan memberi bimbingan dan penasihatn bagi program Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani). Beliau berada di Jabatan ini selama kira-kira 8 bulan iaitu mulai bulan Jun 1980 hingga bulan Januari 1981.

Dr. C.V. Taylor dari A.A.U.C.S., University of Sydney, Australia telah membuat lawatan ke Jabatan Bahasa dari 2hb. hingga 6hb. Ogos 1980.

Dr. Kathleen M. Fisher dari Biological Sciences Education c/o Bacteriology, University of California — Davis, CA 95616 melawat pada 4hb. Ogos 1980.

Dr. Pamela M. Ruley dari A.A.U.C.S., TEFL Section, Department of Education, University of Sydney, Australia melawat pada 6hb. Ogos 1980.

Pengiran Badaruddin b. Pg. Ghani, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar

Seri Begawan, Brunei melawat pada 24hb. Januari 1981.

Mohd. Adnan b. Buntar, Pegawai Pelajaran Kanan (Ketua Unit Kurikulum) Bandar Seri Begawan, Brunei, melawat pada 24hb. Januari 1981.

P. Mustapha b. P. Metasan, Jabatan Pelajaran Brunei, melawat pada 24hb. Januari 1981.

Ralph Issacs, English Language Division, The British Council, London, melawat pada 18hb. Februari 1981.

Christine Nuttall, British Council, P.O. Box 539, Kuala Lumpur, melawat pada 18hb. Februari 1981.

Profesor Peter Williams, Head Department of Education in Developing Countries, London, melawat pada 20hb. Mac 1981.

David Warren Academic Registrar, University of London, melawat pada 20hb. Mac 1981.

Francille M. Firebaugh, Director, School of Home Economic, The Ohio State University, melawat pada 25hb. Mac 1981.

Dr. William Hannah, University of New England, Armidale, New South Wales, Australia, melawat pada 27hb. Mac 1981.

Danil S. Stufflebeam, Western Michigan University, melawat pada 27hb. Mac 1981.

Prof. Amparo G. Rigor dari Department of Human Ecology University of Philippines at Los Banos, Laguna, Philippines, dilantik sebagai pemeriksa luar program Bachelor Pendidikan (Teknologi Rumah tangga) pada 28hb. Mac 1981.

Prof. Lewis Elton, Director, Institute for Education Technology, University of Surrey, England, melawat pada 2hb. Mei 1981.

W.A. Dodd, Chief Education Adviser Development, Overseas Administration London, melawat pada 6hb. Mei 1981.

ETJ Philips, British Council, Kuala Lumpur, melawat pada 6hb. Mei 1981.

Prof. Malcolm Frazer (Chemical Education) University of East Anglia melawat pada 7hb. Mei 1981.

Prof. Dr. Charlie M. Curtis, Director, School of Vocational Education and Associate Dean, College of Agriculture, Louisiana State University telah dilantik sebagai Pemeriksa Luar bagi program Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian) pada 11hb. Mei 1981.

JAWATANKUASA YANG DIANGGOTAI

Peringkat Kebangsaan

Abdul Malek Hj. Hanafiah: Presiden, Persatuan Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Jawatankuasa Penilaian Buku Teks Sejarah/Kertas Am, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Maznah Baba: Jawatankuasa Penerbitan Persatuan Panduan Kerjaya Malaysia. (MAVOGA) 1981.

Nazaruddin Hj. Mohd. Jali: Jawatankuasa Istilah Sosiologi — Antropologi Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Hawa Munji: Jawatankuasa Penerbitan Persatuan Panduan Kerjaya Malaysia. (MAVOGA).

FAKULTI SAINS DAN PENGAJIAN ALAM SEKITAR

DEKAN

Profesor (Dr.) Ariffin bin Suhaimi AMN., PJK., B.Sc. (Hons) & Dip. Ed. (Malaya, S'pore), M.Sc. (S'pore) Ph.D. (Reading)

PENDAHULUAN

Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor ditubuhkan pada tahun 1975. Sebagai permulaan pada sesi 1975/76 Fakulti ini telah mengambil kemasukan seramai 317 orang pelajar untuk mengikuti program-program; Diploma Sains dengan Pendidikan yang mengambil masa selama 3 tahun, Bachelo Sains Keupujian dan Bachelo Sains Keupujian dengan Pendidikan yang mengambil masa selama 4 tahun di bawah Jabatan Biologi, Jabatan Biokimia dan Mikrobiologi, Jabatan Fizik, Jabatan Kimia dan Jabatan Matematik. Pada tahun berikutnya pula Jabatan Sains Alam Sekitar telah ditubuhkan dan memperkenalkan program Bachelo Sains Alam Sekitar. Setakat ini 4 jenis

program di bawah 6 jabatan telah diwujudkan.

Angka pengambilan pelajar-pelajar ditingkatkan dari tahun ke tahun. Pada sesi 1980/81 jumlah pelajar Fakulti ini telah meningkat kepada 945 orang.

Fakulti ini bukan sahaja setakat mampu untuk mengendalikan kursus-kursus untuk program Diploma atau Bachelo tetapi juga berkemampuan untuk mengendalikan program-program Ijazah Sarjana dan Ph.D. Fakulti ini juga menyediakan dan memberikan beberapa kursus sumbangan terutamanya yang berupa sains asas di bawah program-program tertentu dari lain-lain Fakulti di Universiti ini.

Dari tempoh penubuhan hingga sekarang Fakulti ini telah berjaya menghasilkan 694 lulusan Diploma Sains dengan Pendidikan, 100 lulusan Bachelo Sains dengan Pendidikan, 23 lulusan Bachelo Sains, 20 Bachelo Sains Alam Sekitar dan 1 Ijazah Sarjana Sains.

KAKITANGAN

